



**JKR**  
JABATAN KERJA RAYA

RAKYAT

JAN PENGUNJUNG BERTINGKAT KAWANAN  
KINABALU  
KEMPAAS BERTINGKAT KAWANAN

JABATAN KERJA RAYA SABAH  
PERUNDING BUM UTAMA SOK, BHD  
ZARANO SOK, BHD

Amara Hotel  
PAPIN

Sagor  
RESTORAN





## BAB 8

# Pembangunan Bertanggungjawab dan Berhemah



## BAB 8

# Merancang dan Melaksanakan Pembangunan Sabah Melalui Amalan Murni Korporat

### 8.1

#### Pengenalan dan Objektif

Kerajaan Persekutuan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sabah kedua-duanya komited untuk memastikan misi SDC dilaksanakan dengan cekap dan berkesan demi merealisasikan wawasannya bagi faedah dan kesejahteraan penduduk Sabah, khususnya dan rakyat Malaysia secara amnya. Pelaksanaan Rangka Tindakan SDC akan melibatkan pelbagai program seperti promosi pelaburan sektor swasta melalui perkongsian pintar dengan komuniti luar bandar; menggalakkan aktiviti hiliran nilai ditambah tinggi yang memanfaatkan sumber asli Sabah seperti minyak dan gas dan minyak sawit; serta pengurusan dan pemasaran produk eko-pelancongan Sabah dengan lebih berkesan.

Bab ini menggariskan rangka serta autoriti pelaksanaan. Kedua-dua rangka kerja dan autoriti pelaksanaan yang muktamad hanya akan ditentukan selepas pelancaran Rangka Tindakan ini.


Pihak berkuasa pelaksana yang dicadangkan adalah Autoriti Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) – sebuah institusi yang ditugaskan untuk membuat keputusan dan melaksanakan rancangan dengan berkesan dan cekap, menyelaraskan sumber Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri demi mempercepatkan kelulusan dan memantau pelaksanaan program. SEDIA akan memastikan program yang bakal dilaksanakan adalah selaras dengan tunggak utama untuk menghasilkan IMPAK, pengagihan sumber MENEPATI SASARAN, dan pembangunan sosioekonomi yang SEIMBANG.

Tiga objektif utama SEDIA adalah seperti yang berikut:

- Pusat sehenti bagi kelulusan jejak pantas ("*fast track*") dan pemantauan
- Memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang
- Perancangan masa depan dan sentiasa memperbaiki dan menyesuaikan pendaya utama SDC

Sebagai pihak berkuasa sehenti, SEDIA akan membantu syarikat yang ingin beroperasi di kawasan SDC untuk mendaftarkan syarikat tersebut sehingga ke tahap memastikan lesen yang diperlukan diperolehi dalam tempoh yang disasarkan. Tempoh sasaran ini akan diumumkan sebaik sahaja mendapat persetujuan daripada semua pihak yang berkenaan. Memandangkan koridor pembangunan ini merupakan prioriti utama Kerajaan Persekutuan dan Negeri, kelulusannya juga akan diberi keutamaan dan pada kadar segera.

Rajah 8.1: SEDIA Sebagai Pihak Berkuasa Sehenti



Di samping membantu dalam pelancaran syarikat, SEDIA akan menyediakan kemudahan sehenti kepada syarikat yang berkedudukan di lokasi SDC. Secara keseluruhan, kemudahan sehenti ini bertujuan untuk mengupayakan syarikat yang beroperasi di SDC agar dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada perniagaan mereka dan membolehkan SEDIA menguruskan proses kelulusan.

## Memastikan Pembangunan Ekonomi yang Seimbang

SEDIA akan cuba menarik pelaburan swasta dan mengawasi penyaluran pembiayaan Kerajaan Persekutuan dalam sektor penting demi memastikan pembangunan sosioekonomi yang seimbang. Justeru pembangunan ekonomi bukan sahaja penting untuk memastikan kekayaan diwujudkan dan infrastruktur negeri dibangunkan, usaha mengurangkan jurang perbezaan bandar-luar bandar dan pengagihan pendapatan dengan saksama juga amat penting dalam memastikan pembangunan Sabah yang mampan.

Usaha untuk memastikan bahawa SDC benar-benar memberi impak melibatkan lebih daripada hanya merangsang pembangunan ekonomi – isu penting seperti penyediaan infrastruktur, bekerjasama dengan ahli komuniti yang memiliki tanah sedia ada, merancang dan mentadbir kadar pembangunan, dan bekerjasama dengan agensi yang sedia ada untuk mengendalikan pembangunan modal insan dan penyediaan insentif akan diperlukan.

## Memperbaiki dan Menyesuaikan Pendaya Utama SDC Secara Berterusan

Rangka tindakan ini meliputi tempoh 18 tahun sehingga 2025, dengan yang demikian adalah penting untuk memastikan yang dasar, insentif dan pendaya infrastruktur sentiasa dinilai semula dan diperbaiki demi memastikan ia dapat memenuhi perubahan keperluan ekonomi dan perniagaan. Dalam hal ini, SEDIA bertindak sebagai badan penerima maklum balas dan mencadangkan keperluan secara proaktif demi memastikan pembangunan SDC berdaya tahan.

Pendaya utama SDC termasuk:

- Dasar (persekutuan dan negeri) yang mentadbir sumber manusia, pelesenan, tanah, levi dan sebagainya
- Insentif (fiskal, pembiayaan dan pengecualian) untuk menumpukan semula pelaburan sektor swasta kepada jentera baru pembangunan ekonomi
- Infrastruktur (pengangkutan, utiliti dan sektor awam) untuk meminimumkan kerumitan kepada perniagaan dalam SDC



*HalaTuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah (HalaTuju)* adalah selaras dengan inisiatif SDC yang dirangka berdasarkan garis panduan di bawah Tumpuan Ketiga Misi Nasional yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri. *HalaTuju* menggariskan hala tuju masa depan pembangunan Sabah. Rangka tindakan ini menjadikan prinsip *HalaTuju* sebagai asas dalam usaha mengurangkan pembaziran, meningkatkan keupayaan perkhidmatan awam negeri dengan memperkasakan kepimpinan, memberi tumpuan terhadap kualiti dan profesionalisme serta menekankan kebertanggungjawapan.

Selain daripada *HalaTuju*, terdapat juga rancangan pembangunan khusus mengikut sektor. Rangka tindakan ini direka bentuk untuk menggabungkan keseluruhan pelan pembangunan mengikut sektor di Sabah, menjadi satu dokumen tunggal. Selain dari itu, satu pihak berkuasa berdedikasi untuk memantau pelaksanaan kesemua program ini juga akan ditubuhkan.

Salah satu cabaran dalam mengorak langkah ke hadapan adalah keperluan untuk menyelaraskan berbilang agensi dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah demi memastikan kejayaan sebahagian besar program yang dicadangkan bagi SDC ini. Contohnya, untuk membina sebuah loji hiliran berskala besar, kerajaan negeri perlu memperuntukkan tanah; pihak berkuasa perancangan tempatan perlu mengeluarkan kebenaran perancangan dan membuat keputusan perihal levi yang bakal dikenakan; manakala lesen, insentif infrastruktur dan fiskal berkaitan pula mungkin berada dalam ruang lingkup bidang kuasa pihak Kerajaan Persekutuan.

Satu lagi cabaran yang timbul adalah keperluan untuk memantau dan mewujudkan kerjasama erat antara badan pelaksana demi memastikan kesemua program infrastruktur dilaksanakan dengan berkesan dan tepat pada masanya seperti yang digariskan dalam Rangka Tindakan ini. Infrastruktur yang berkualiti dan dilaksanakan mengikut jadual akan dapat menarik pelaburan, mengelakkan penangguhan dan kelewatan yang melibatkan kos yang tinggi bagi pelabur swasta dan memberikan kualiti kehidupan yang tinggi untuk penduduk luar bandar. Di samping itu, ia akan mengukuhkan keyakinan terhadap kredibiliti Rangka Tindakan SDC akan datang berdasarkan keupayaannya menepati komitmen semasa.

Cabaran terakhir yang dihadapi SDC ialah untuk meyakinkan para pelabur bahawa dasar semasa dan masa depan akan dipandu oleh prinsip yang digariskan dalam Rangka Tindakan SDC ini. Untuk memastikan kemampuannya, SDC memerlukan penyertaan berterusan daripada pelabur tempatan dan luar negara. Para pelabur lazimnya perlu diyakinkan bahawa pelaburan mereka dilindungi dalam jangka masa lebih panjang dan tiada perkara diluar jangkaan yang akan berlaku dan menyebabkan peningkatan kos perniagaan yang tidak berpatutan.

Semua cabaran ini bukan hanya unik kepada Sabah atau Malaysia sahaja, walau bagaimanapun usaha menanganinya secara objektif dan telus akan memastikan kejayaan SDC. SEDIA akan menjadi pihak berkuasa yang ditugaskan untuk mencapai matlamat ini.

## 8.3

### Teras Utama yang Bakal Memastikan Kejayaan SEDIA

Kestabilan dan kekekalan dasar pengurusan SEDIA adalah amat penting memandangkan SEDIA bakal menghadapi perubahan dalam penggubalan undang-undang dan kerajaan, sepanjang kewujudannya selama 18 tahun itu. Dan dalam tempoh ini, perniagaan dan pelabur asing akan memerlukan jaminan bahawa ia sebuah badan berkuasa yang mampu bertahan dan berupaya memastikan bahawa perkara pada asalnya dijanjikan kepada mereka semasa mereka mula-mula melabur dalam SDC akan ditepati.

Teras utama yang diperlukan demi memastikan SEDIA mampu melaksanakan mandatnya adalah:

- Kuasa daripada Perdana Menteri dan Ketua Menteri Sabah sebagai pengerusi bersama
- Pasukan Petugas Bersama yang terdiri daripada agensi persekutuan dan negeri dalam usaha mempercepatkan kelulusan
- Komitmen dan obligasi semua pihak berkenaan untuk memenuhi paras perkhidmatan yang ditetapkan
- Bersifat kekal agar kukuh di atas landasan hala tuju yang ditetapkan oleh rangka kerja – berubah hanya setelah melalui proses yang diperlukan
- Struktur dan pemerkasaan pengurusan yang tepat (individu, proses dan sistem)

### 8.3.1

#### Kuasa Daripada Perdana Menteri dan Ketua Menteri Sabah Sebagai Pengerusi Bersama

SEDIA akan diperkasakan oleh Lembaga yang terdiri daripada Perdana Menteri dan Ketua Menteri sebagai Pengerusi Bersama. Kedua-dua pengerusi ini, meminjamkan kuasa mereka masing-masing dalam Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk memastikan yang kementerian dan agensi masing-masing melaksanakan tanggungjawab dengan memuaskan berdasarkan tahap perkhidmatan yang ditetapkan dalam rangka kerja pelaksanaan yang muktamad dan ditanda aras mengikut amalan urus tadbir yang baik. Mereka juga akan memastikan yang wakil daripada agensi persekutuan dan negeri yang berkaitan, yang memiliki kuasa yang diperlukan, dijadikan anggota Pasukan Petugas Bersama (JWT) secara sepenuh masa di SEDIA.



### 8.3.2

## Pasukan Petugas Bersama yang Terdiri daripada Agensi Persekutuan dan Negeri dalam Usaha Mempercepatkan Kelulusan

JWT terdiri daripada tenaga sokongan sepenuh masa daripada agensi persekutuan dan negeri dan akan berfungsi sebagai tulang belakang bagi proses kelulusan yang berkaitan. Para petugas ini mempunyai tahap kuasa yang diperlukan bagi meluluskan kebanyakan permohonan yang akan membolehkan SEDIA menguasai sebahagian besar daripada proses kelulusan diperlukan untuk memenuhi mandat pembangunan sosioekonominya.

Meskipun begitu, akan terdapat had kelulusan yang ditetapkan dan senarai rizab (untuk ditetapkan dalam rangka kerja pelaksanaan muktamad ini) di mana permohonan peringkat akhir perlu dirujuk kembali kepada kementerian berkenaan sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri dalam tempoh penyempurnaan yang dipersetujui.

### 8.3.3

## Komitmen dan Obligasi Semua Pihak Berkenaan untuk Memenuhi Tahap Perkhidmatan yang Ditetapkan

Bagi proses yang melampaui kuasa JWT atau berada dalam ruang lingkup senarai rizab, rujukan kepada kementerian yang berkenaan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang disasarkan dalam rangka kerja pelaksanaan yang diputuskan. Tempoh penyempurnaan ini hendaklah dirunding dan dipersetujui secara bersama antara SEDIA dan kementerian dan agensi yang berkenaan masing-masing. Pendekatan ini selaras dengan inisiatif nasional untuk melaksanakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi agensi kerajaan.

SEDIA akan mengemaskini prestasi keseluruhan pihak yang berkenaan berdasarkan tahap perkhidmatan yang telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Selanjutnya, badan tersebut akan mengambil langkah-langkah pemulihan dan penambahbaikan sekiranya tahap perkhidmatan ini tidak dicapai atau dipenuhi.

#### 8.3.4

### Bersifat Kekal agar Kukuh di atas Landasan Hala Tuju yang Ditetapkan oleh Rangka Kerja – Berubah Hanya setelah melalui Proses yang Diperlukan

Rangka kerja pelaksanaan muktamad akan diluluskan oleh Lembaga yang dipengerusikan oleh kedua-dua Perdana Menteri dan Ketua Menteri. Di samping itu, ia juga akan dijadikan enakmen undang-undang menurut Badan Perundangan Negeri. Apa-apa perubahan dalam tahap perkhidmatan, dasar pembangunan, insentif, kadar, dan sebagainya seperti yang diuraikan dalam rangka kerja pelaksanaan muktamad perlu melalui proses yang sama, iaitu menerusi kelulusan Lembaga dan perubahan kepada Enakmen Negeri sekiranya diperlukan.

Ini adalah komitmen yang diberikan kepada para pelabur, iaitu, “peraturan permainan ini” tidak akan berubah di tengah-tengah pelaksanaan SDC ini.

#### 8.3.5

### Struktur dan Pemerkasaan Pengurusan yang Tepat (Individu, Proses dan Sistem)

SEDIA akan diperbadankan dan beroperasi selaras dengan amalan urus tadbir terbaik yang diiktiraf oleh badan-badan korporat multinasional seluruh dunia. Ia akan ditadbir oleh satu Lembaga Pengarah dan dikerah oleh sekumpulan tenaga pengurusan yang berwibawa.


Budaya SEDIA akan menekankan penambahbaikan dan peningkatan yang berterusan. Untuk memastikan hanya calon yang berwibawa diperolehi, paras gaji akan ditanda aras mengikut kadar pasaran sektor swasta dan pelan pembangunan insan rasmi akan diwujudkan. Di mana perlu dan wajar, calon dari luar negara akan dilantik untuk melengkap dan menyokong tenaga warga Malaysia yang sedia ada dalam SEDIA. Pihak pengurusan SEDIA dijangka akan terdiri sepenuhnya daripada warga tempatan Sabah.

Proses dan sistem akan dipastikan ringkas namun berkesan dengan penekanan diberikan kepada pengurangan pembaziran. Proses akan diwujudkan dengan menggunakan kaedah yang ‘ringkas namun utuh’ dan ‘Six-Sigma’. Di mana perlu, para jururunding mungkin digunakan untuk mempercepatkan pewujudan pusat sehenti bagi proses yang diperlukan demi memastikan yang SEDIA beroperasi sepenuhnya seawal mungkin.

Pihak pengurusan SEDIA akan disusun mengikut fungsi penting demi memastikan kebertanggungjawapan yang jelas terhadap hasil pada setiap hujung tahun. Setiap ahli pengurusan akan diambil bekerja secara kontrak dalam tempoh tiga tahun dan pembaharuan kontrak tersebut berdasarkan pencapaian KPI yang diluluskan oleh Lembaga ini. Pembayaran bonus juga akan berhubung kait dengan pencapaian KPI ini.

Model yang dicadangkan ini adalah supaya SEDIA beroperasi mengikut fungsi yang digariskan dalam Rajah 8.2. Pekerja sepenuh masa akan menjalankan setiap fungsi ini dan jika keadaan memerlukan, dikumpulkan menjadi pakar industri. SEDIA bukan sahaja akan menjadi Pihak Berkuasa Khas bagi kelulusan dan pelaksanaan, bahkan ia akan turut melaporkan kepada Perdana Menteri dan Ketua Menteri perihal kemajuan dan pencapaian SDC ini. Ini akan memastikan yang Rangka Tindakan ini kekal relevan dan perancangan bagi program masa depan tidak tersasar daripada landasan rangka kerja yang ditetapkan oleh Rangka Tindakan ini: pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang seimbang, pertumbuhan mampan melalui pemuliharaan alam sekitar dan penguasaan aktiviti bernilai tinggi.

Rajah 8.2: Fungsi Badan Korporat bagi SEDIA





## 8.4.1

### Fungsi Utama

SEDIA akan ditugaskan untuk memperincikan program berimpak tinggi yang digariskan dalam Rangka Tindakan ini, melalui kerjasama dengan beberapa agensi persekutuan dan negeri di mana perlu, melaporkan kemajuan pelaksanaan kepada pihak Lembaga dan bertanggungjawab ke atas kejayaan pelaksanaan tersebut.

### 8.4.1.1

#### Kelulusan

SEDIA merupakan pusat sehati bagi syarikat dan individu untuk mendapatkan maklumat dan kelulusan yang diperlukan untuk perancangan perniagaan termasuk pelesenan, permit, kebenaran perancangan dan hal ehwal tanah. Perhubungan antara kaunter depan bagi pusat kelulusan dan para pelanggan akan dipastikan lebih cekap dan profesional. Proses dalaman bagi fungsi kelulusan akan digarap agar menghasilkan tempoh penyempurnaan yang pantas (ditanda aras kepada yang terbaik dalam kelasnya), serta maklumat yang bermutu tinggi dan bertepatan.

Hubungkait antara fungsi kelulusan dan agensi kerajaan lain akan dilaksanakan melalui JWT, lantaran itu memudahkan kelulusan yang pantas dan tepat. Kewujudan JWT akan memastikan yang cabaran yang dihadapi oleh pusat sehati seperti ini pada masa lampau akan diringankan dengan kewujudan SEDIA. Tempoh penyempurnaan daripada agensi kerajaan lain juga akan turut dipantau melalui KPI yang akan dipersetujui pada peringkat awal lagi dan dimaklumkan kepada pihak Lembaga SEDIA secara berkala.

i) Perancangan

SEDIA akan menyelaraskan tugas-tugas secara teliti dengan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan diperingkat persekutuan dan Negeri Sabah yang berkaitan dengan menggunakan Rangka Tindakan ini untuk merangka rancangan pelaksanaan terperinci bagi setiap sektor. Pelaksanaan rancangan yang sedia ada atau rancangan baru, akan diselaraskan dengan SEDIA demi memastikan yang rancangan-rancangan ini sejajar dengan matlamat Rangka Tindakan ini.

Matlamat pelan pelaksanaan terperinci adalah agar ia dapat berfungsi sebagai dokumen rujukan bagi semua pihak dalam proses pelaksanaan projek pembangunan ekonomi dan sosial tertentu yang telah dicadangkan. Di samping itu, dokumen ini akan digunakan oleh majlis perbandaran serta pihak berkuasa tempatan yang berkenaan untuk menyelaraskan pembangunan di kawasan masing-masing, sejajar dengan Rangka Tindakan ini.

Pelan pelaksanaan terperinci ini menjadi tanggungjawab kementerian yang berkenaan tetapi disediakan dengan input dan maklum balas daripada SEDIA. Pelan bagi setiap sektor (Pertanian, Perkhidmatan dan Pembuatan) akan merangkumi:

- Wawasan keseluruhan dan objektif sektor masing-masing dalam SDC, termasuk strategi untuk menguasai nilai, pembangunan sosial, pembangunan infrastruktur, insentif dan pemuliharaan alam sekitar
- Pelan sub-sektor termasuk pengezonan penggunaan tanah, perbandaran, sumber asli alam sekitar, kualiti kehidupan alam sekitar, kawasan pantai, pembangunan bersifat transit, hubungan bandar, infrastruktur bandar dan utiliti
- Rancangan pelaksanaan projek dengan garis masa dan akauntabiliti terperinci. Ini termasuk objektif projek dan hasil yang dihasratkan, cabaran semasa, huraian perihal apa yang perlu dilakukan, pendekatan, reka bentuk terperinci serta keperluan pembiayaan

Di samping itu, perancangan makro pembangunan sosial, pembangunan ekonomi serta penggunaan tanah akan turut dirangka oleh kementerian yang berkenaan dengan input dan maklum balas daripada SEDIA. Ini akan diselaraskan oleh SEDIA dengan kementerian-kementerian kerajaan negeri serta kerajaan persekutuan demi memastikan ketekalan dengan aspirasi Kerajaan, rancangan Negeri serta rancangan Malaysia keseluruhannya. Butiran rancangan makro adalah seperti yang berikut:

- Mengendalikan perancangan fizikal bagi SDC. Perancangan akan merangkumi takrifan penggunaan tanah, misalnya peruntukan tanah bagi perindustrian, pertanian, komersial, kediaman, kawasan hijau, pemuliharaan sumber asli, serta perlindungan dan pemuliharaan kawasan yang sensitif alam sekitar
- Mengendalikan perancangan pembangunan ekonomi bagi SDC. Ini merangkumi sektor dan sub-sektor pertumbuhan ekonomi semasa dan masa depan seperti pertanian, perkhidmatan dan pembuatan
- Mengendalikan perancangan pembangunan sosial. Ini termasuk mentakrifkan program pembangunan yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan, memastikan pengagihan pendapatan secara saksama, peningkatan kualiti kehidupan dan pendidikan asas

#### ii) Pelaksanaan

SEDIA hendaklah bertanggungjawab untuk sama ada mengendalikan secara langsung, atau menyelaraskan pelaksanaan ekonomi berimpak tinggi dan inisiatif pembangunan sosial yang dinyatakan dalam Rangka Tindakan ini. Kerajaan Persekutuan dan agensi Kerajaan Sabah yang telah mengenal pasti projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) hendaklah meneruskan projek-projek ini, tetapi mereka digalakkan untuk berunding dengan SEDIA demi memastikan ketekalan objektif dan mengelakkan pembaziran sekiranya berlaku duplikasi.

### 8.4.1.3

#### Pembangunan Industri

SEDIA akan merancang dan menyelaraskan kegiatan promosi dan aktiviti pemasaran demi memastikan yang program ini mendapat sambutan yang tinggi daripada sektor swasta. Kini, sudah terdapat kaedah di mana aktiviti promosi dan pemasaran boleh dilaksanakan dengan cukup berkesan. Antaranya adalah aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Pelancongan Sabah yang berhubung secara langsung dengan pusat peranginan, syarikat penerbangan dan syarikat pelancongan ternama demi meningkatkan produk pelancongan yang ditawarkan oleh Sabah. Hasilnya, pulau-pulau di Sabah seperti Sipadan dan hutan hujan tropika seperti Lembah Danum telah menjadi tersohor di seluruh dunia.



Dalam keadaan lain, SEDIA akan bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti MPOPC untuk memasarkan jenama minyak sawit Sabah sebagai produk yang selamat dan berdaya tahan. Pada masa yang sama, SEDIA akan bekerjasama dengan MPOB dan Jabatan Alam Sekitar demi memastikan standard yang ketat ditetapkan dan dikuatkuasakan ke atas ladang-ladang kelapa sawit.

Dalam bidang baru seperti bioteknologi pula, SEDIA akan melaksanakan analisis pasaran terperinci dalam usaha memahami dan menentukan arah dan hala tuju industri. Ini akan diikuti pula dengan pengumpulan peserta utama serta pemangkin industri demi memastikan kawasan ladang-ladang hijau ini dapat dimulakan dan dibangunkan dengan jayanya. Segala inisiatif ini akan mengambil masa beberapa tahun tetapi akan bermula dari sekarang dengan membina asas yang kukuh bagi pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

#### 8.4.1.4

### Pembangunan Sosial

Objektif kedua SEDIA adalah untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang seimbang. Dengan kerjasama erat dengan agensi yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, mereka yang terlibat akan turun padang untuk mengenal pasti dan melaksanakan program demi memastikan bahawa peratusan kemiskinan tegar dikurangkan ke paras yang disasarkan dalam tempoh yang ditetapkan; jurang pendapatan antara luar bandar dan bandar tidak meningkat; keperluan asas seperti tempat tinggal, bekalan air yang bersih serta elektrik disediakan demi meningkatkan kualiti kehidupan; serta pendidikan asas disediakan demi membolehkan komuniti ini berdaya tahan dalam tempoh jangka masa panjang.

SEDIA juga akan bekerjasama secara erat dengan fungsi Perancangan dan Pelaksanaan demi memastikan perancangan pembangunan industri mengambil kira keperluan pembangunan sosial (seperti, meningkatkan pendapatan petani luar bandar dengan memperkasakan dan menyusun mereka dalam usaha memaksimumkan pendapatan melalui skala dan ketekalan kualiti).

#### 8.4.1.5

### Pemantauan dan Pengurusan

SEDIA akan mengumpulkan data yang berkaitan untuk memantau pembangunan ekonomi dan sosial negeri Sabah. Untuk mengelakkan duplikasi, pengumpulan data yang sudah pun dilaksanakan oleh agensi kerajaan yang sedia ada, misalnya Jabatan Statistik, MIDA dan sebagainya akan diteruskan, namun agensi ini mungkin perlu membantu SEDIA memperolehi data berkaitan.

Data ini akan dianalisis dan dipadankan dengan KPI atau objektif program untuk memantau kejayaan pelaksanaan masing-masing. SEDIA akan melaporkan hasil KPI ini kepada pihak Lembaga setiap suku tahun. Dalam keadaan hasil sebenar tidak mencapai sasaran, SEDIA akan mengenal pasti sebab-sebab ia berlaku dan dengan kuasa yang diberi oleh pihak Lembaga, akan menguruskan proses mengembalikan program ini ke landasan yang disasarkan demi mencapai matlamat yang diinginkan.


## 8.4.2

### Struktur Urus Tadbir

Pengurusan SEDIA akan membuat laporan berkala kepada pihak Lembaga terhadap prestasinya. Lembaga SEDIA akan menyediakan semakan dan imbangan demi memastikan yang pengurusan melaksanakan strategi yang telah ditakrifkan, menetapkan sasaran, menyemak semula prestasi pengurusan dan memastikan perkara dasar ditetapkan dipatuhi.

Had autoriti bagi pengurusan akan ditakrifkan dengan jelas seiring dengan dasar yang ditetapkan. Ini diwujudkan demi mengimbangi kepantasan pelaksanaan dengan urus tadbir yang baik, agar projek-projek yang melebihi had dirujuk kepada pihak Lembaga. Ini memberi faedah tambahan di mana pihak Lembaga, yang dipengerusikan bersama oleh Perdana Menteri dan Ketua Menteri, akan membuat keputusan yang diperlukan demi mempercepatkan pelaksanaan. Pihak Lembaga turut menyemak semula kemajuan pelaksanaan, dan memastikan kerjasama erat wujud antara agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan.

Rajah 8.3: Struktur Urus Tadbir SEDIA



### Keahlian Lembaga yang Dicadangkan<sup>40</sup>

- **Pengerusi Bersama**
  - Perdana Menteri
  - Ketua Menteri Sabah
- **Dua Menteri Persekutuan**
  - Menteri Kewangan
  - Unit Perancangan Ekonomi
- **Dua Menteri Negeri**
  - Infrastruktur
  - Pembangunan Luar Bandar
- **Setiausaha Persekutuan**
- **Setiausaha Kerajaan Negeri**
- **CEO SEDIA**

### Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan (AIC) yang Dicadangkan

AIC mempunyai matlamat dua peringkat seperti berikut: memantau proses kelulusan dan pelaksanaan dan mempercepatkan projek berprioriti tinggi. AIC akan bermesyuarat setiap suku tahun atau apabila keadaan memerlukan.

Pihak pengurusan akan mengemukakan isu dalam proses kelulusan dan pelaksanaan, pada masa yang sama mereka akan turut membentangkan cadangan kaedah untuk mengatasi isu-isu ini kepada AIC. AIC seterusnya akan menggunakan ahlinya daripada autoriti atau pihak berkuasa yang berkenaan untuk menilai cadangan pihak pengurusan ini dan mengambil langkah yang wajar (lihat Rajah 8.3).

Ahli AIC terdiri daripada:

- Pengerusi: YAB Ketua Menteri Sabah
- CEO SEDIA
- Wakil Persekutuan seperti:
  - Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri
  - Pengarah Imigresen
  - Pengarah Kastam
  - Pengarah Pelesenan MITI

<sup>40</sup> Cadangan Keahlian tertakluk pada kelulusan terakhir.



- Wakil Negeri seperti:
  - Setiausaha Kerajaan Negeri
  - Pengarah UPEN
  - Pengarah Tanah dan Penilaian
  - Ketua pihak berkuasa tempatan utama (Kota Kinabalu, Sandakan, dan Tawau)

Senarai keahlian AIC akan ditentukan dengan muktamad apabila Enakmen Negeri yang berkenaan telah diwartakan.

### 8.4.2.3

#### Mengelakkan Pertindanan dan Duplikasi Tugas

Secara am, apabila sesuatu projek sedia ada sudah mula dilaksanakan dengan agensi kerajaan sedia ada, SEDIA akan bekerjasama dengan agensi terbabit demi memastikan yang pelaksanaan projek atau program ini memenuhi keperluan Sabah. Meskipun begitu, bagi projek baru atau projek yang sudah sedia untuk dilaksanakan tetapi masih belum dilaksanakan lagi, SEDIA akan menyelaraskan antara EPU dan Kabinet Negeri demi memastikan yang perancangan dan pelaksanaan projek sejajar dengan rangka kerja dan objektif SDC.

SEDIA tidak akan memiliki kuasa secara langsung mengatasi agensi-agensi persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan, atau hal ehwal tanah. Ada di antara kuasa yang akan dipindahkan dan dikuasai bersama dalam SEDIA demi memastikan pelaksanaan projek berimpak tinggi tidak terganggu atau terjejas. Di samping itu, memandangkan Perdana Menteri dan Ketua Menteri merupakan Pengerusi bersama SEDIA, segala keputusan dan perubahan dalam bentuk dasar yang diperlukan boleh dilaksanakan oleh pihak Lembaga Pengarah dan seterusnya dilaksanakan oleh badan dan agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

### 8.5

#### Peluang Usaha Sama dengan Instrumen Pelaburan Negeri Sabah


Sabah kini mempunyai beberapa instrumen pelaburan dan pembangunan negeri yang memberikan tumpuan kepada bidang pembangunan penting seperti sumber asli, pembangunan hartanah, minyak sawit, dan sebagainya. Para pelabur yang datang ke Sabah atau usahawan yang memulakan perniagaan di Sabah digalakkan untuk bekerjasama dengan instrumen pelaburan negeri ini dalam bentuk penyertaan ekuiti atau untuk memberikan pembiayaan pinjaman. Instrumen ini termasuk:

- Yayasan Sabah - satu instrumen pembangunan strategik bagi negeri Sabah. Aktiviti komersialnya merangkumi industri perikanan dan makanan; bioteknologi dan hortikultur; minyak dan gas; pelancongan; agro-perladangan; hartanah; pengangkutan; perhutanan serta produk kayu kayan

- Warisan Harta Sabah - merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri yang mengendalikan hal ehwal pelaburannya. Objektifnya adalah:
  - Bertindak sebagai pemangkin bagi pembangunan ekonomi bagi pelbagai sektor industri yang meliputi perbankan dan kewangan, pembangunan hartanah dan harta tanah, pembuatan, pelancongan, pertanian, industri berasaskan balak serta kayu, dan sebagainya
  - Bertindak sebagai instrumen korporat bagi kerajaan Sabah untuk meneroka projek di luar negara dan projek luar bandar baru serta membawa masuk projek baru/ sumber dari negeri lain di Malaysia
  - Bertindak sebagai instrumen pengagihan kekayaan kepada penduduk awam di Sabah
  - Membantu dan mempromosikan pembangunan industri kecil dan sederhana (SMIs) dalam negeri dan menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor perniagaan
  
- Sabah Economic Development Corporation (SEDCO) - sebuah agensi milik kerajaan negeri yang ditubuhkan untuk membantu kerajaan merangsang pembangunan perindustrian, komersial dan sosioekonomi, khususnya dalam mempromosi perniagaan dan keusahawanan Bumiputera. Aktiviti komersialnya merangkumi pembuatan, pembangunan hartanah, perdagangan dan perkhidmatan
  
- Sawit Kinabalu - sebuah syarikat induk pelaburan yang memberikan tumpuan kepada sektor minyak sawit. Ia memiliki lebih 200,000 hektar ladang kelapa sawit dan kini sedang dalam proses membangunkan kelompok perindustrian minyak sawit, seperti Sawit POIC, yang terletak di kedudukan strategik berhampiran Pelabuhan Sandakan. Sawit POIC merupakan pusat perindustrian minyak sawit bersepadu dengan 2,800 ekar diperuntukkan kepada semua industri berkaitan minyak sawit yang akan ditempatkan dalam satu kompleks tunggal. Ia akan dibangunkan dengan infrastruktur moden, utiliti, kemudahan pemukalan dan jeti berdedikasi bagi bahan cecair untuk penghantaran. Industri yang disasarkan bagi Sawit POIC ini termasuk loji penapis, loji penghancuran isirong, bio-diesel, pemasangan pemukalan, oleo-kimia dan biojisim
  
- Sabah Development Bank (SDB) - sebuah institusi kewangan pembangunan (DFI) milik-penuh Kerajaan Negeri Sabah. SDB komited untuk menyokong pertumbuhan sektor awam dan swasta dalam sektor ekonomi utama Negeri ini, seperti pertanian, pelancongan dan pembuatan. Ia juga turut menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk pinjaman (pembiayaan projek, *bridging finance*, pembiayaan aset tetap, pembiayaan modal kerja, pembiayaan industri kecil dan sederhana), perbankan Islam, pinjaman bersindiket, khidmat nasihat korporat, dan modal usaha niaga/ penyertaan ekuiti

SDC ingin menggalakkan model perniagaan di mana instrumen pelaburan pelabur yang menjadi rakan kongsi kerajaan negeri ditukarkan menjadi penyertaan ekuiti pada nilai saksama. Ini merupakan cadangan yang bakal menghasilkan kejayaan bersama bagi kedua-dua pelabur dan negeri seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8.4.

Rajah 8.4: Pelaburan Bersama antara Pelabur dan Instrumen Pelaburan Kerajaan Negeri



Penyertaan ekuiti ini bukanlah peraturan umum bagi semua pelaburan di Sabah. Ia akan diterima pakai lebih kepada pelaburan usahasama yang melibatkan penggunaan sumber yang semakin sukar didapati dan perlu diurus dengan baik. Dalam konteks pemuliharaan, contohnya, tanah bagi ladang kelapa sawit, hak pembalakan dan pulau-pulau untuk pembinaan pusat peranginan ternama.

Dalam penyertaan ekuiti, instrumen pelaburan negeri Sabah akan kekal sebagai pelabur dengan perwakilan Lembaga, namun pengurusan akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada pihak yang melabur.



## GLOSARI RANGKA TINDAKAN

<b>Kata Pendek</b>	<b>Definisi</b>
AFTA	Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
AgriExcel	Program Bantuan Cemerlang Tani
AIC	Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan
AIZ	Zon Industri Akuakultur
ASB	Amanah Saham Bumiputera
BBEC	Bornean Biodiversity and Ecosystem Conservation
BCIC	Komuniti Komersial dan Industri Bumiputera
BKS	Batang Kelapa Sawit
BTB	Buah Tandan Baru
CDM	Mekanisme Pembangunan Bersih
CIFOR	Centre for International Forestry Research
CIQS	Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat
DANIDA	Danish International Development Assistance
DBKK	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
DEL	Talian Ibu Sawat Terus
DFI	Institusi Pembangunan Kewangan
DID	Jabatan Pengairan dan Saliran
DVFC	Pusat Lapangan Lembah Danum
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FAX	Fly Asian Express Sdn Bhd
FDI	Pelaburan Langsung Asing
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FIC	Jawatankuasa Pelaburan Asing
FMD	Penyakit Ternak Kuku dan Mulut
FMU	Unit Pengurusan Hutan Deramakot
FRC	Pusat Penyelidikan Hutan
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
GAP	Amalan Pertanian Baik
GHG	Gas Rumah Hijau
GIS	Sistem Maklumat Geografi
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan

**Kata Pendek****Definisi**

HajaTuju	HalaTuju dan Pembangunan Negeri Sabah
HCPC	Majlis Perancangan Modal Insan
ICT	Teknologi Informasi dan Komunikasi
IDS	Institut Kajian Pembangunan, Sabah
IKM	Institut Kemahiran Mara
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
ILP	Institut Kemahiran Industri
IPP	Loji Bekalan Kuasa Elektrik Swasta
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JI	Perlaksanaan Bersama
JICA	Japan International Cooperations Agency
JKP	Jawatankuasa Kelulusan dan Perlaksanaan
JKR	Jabatan Kerja Raya
JLS	Juta Liter Sehari
KCoL	Koridor Kehidupan Kinabatangan
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KICC	Pusat Konvensyen Bersepadu Kinabalu
KKIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu
KKIP	Taman Industri Kota Kinabalu
KKOR	Projek Lingkaran Luar Kota Kinabalu
KPI	Penunjuk Prestasi Penting
KPTK	Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun
LNG	Pencairan Gas Asli
LPP	Lembaga Pembangunan Perumahan
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MASB	Malaysia Airports Sdn Bhd
MBK	Mayang Buah Kosong
MICE	Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran
MIDA	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MNC	Syarikat Multinasional
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
MoU	Memorandum Persefahaman
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia

**Kata Pendek****Definisi**

MRF	Kemudahan Pemulihan Bahan
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MSM	Minyak Kelapa Sawit Mentah
NEP	New England Power Company
NGO	Organisasi Bukan Kerajaan
NRW	Air Tidak Terhasil
ODOP	Satu Daerah Satu Produk
OIE	Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia
PFPP	Taman Pengeluaran Makanan Kekal
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PKS	Kulit Isirung Kelapa Sawit
PLASMA	Pusat Latihan Minyak Sawit
PLSB	Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Secara Bersepadu
PMSM	Persatuan Minyak Sawit Malaysia
POIC	Kelompok Industri Minyak Sawit
POME	Buangan Kilang Minyak Sawit
PPB	Pasukan Petugas Bersama
PSTN	Rangkaian Telefon Penukaran Awam
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
RBJ	Rakyat Bersatu Sabah
RIL	Pembalakan Impak Berkurangan
RMKe-8	Rancangan Malaysia ke Lapan
RMKe-9	Rancangan Malaysia ke Sembilan
RMKe-10	Rancangan Malaysia ke Sepuluh
RSPO	Meja Bulat Mengenai Minyak Sawit Mampan
SAFODA	Sabah Forestry Development Authority
SAIDI	Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem
SAIP	Presint Agro-Industri Sabah
SBCP	Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar
SBOT	Terminal Minyak Teluk Sapangar
SCC	Perbadanan Pinjaman Sabah
SDB	Sabah Development Bank
SDC	Koridor Pembangunan Sabah

**Kata Pendek****Definisi**

SEARRP	Program Penyelidikan Hutan Hujan Tropika Asia Tenggara
SECP	Program Eko-Pelancongan Sabah
SEDCO	Sabah Economic Development Corporation
SEDIA	Autoriti Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah
SEH	Hab Pendidikan Sabah
SESB	Sabah Electricity Sdn Bhd
SFZ	Zon Bebas Sapangar
SIP	Projek Pulau Sipadan
SITExT	Terminal Pertukaran Perdagangan Bersepadu Sandakan
SNP	Produk Asli Istimewa
SOGT	Terminal Minyak dan Gas Sabah
SPKR	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
SPSB	Sabah Ports Sdn Bhd
SSTC	Pusat Kemahiran dan Teknologi Sabah
TASKI	Taman Asuhan Kanak-kanak
TM	Telekom Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNDP	United Nations Development Programme
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPEN	Unit Perancangan Ekonomi Negeri
WISDEC	Lembaga Industri Kayu Balak Malaysia
WWF	World Wildlife Foundation
YUM	Yayasan Usaha Maju